

10 FEB 2002

Ling-Perutusan

UTAMAKAN KESTABILAN, KEHARMONIAN DAN KESELAMATAN, KATA PARA PEMIMPIN

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dalam perutusan Tahun Baru Cina yang akan disambut Selasa ini berkata rakyat kini lebih sedar betapa pentingnya kestabilan, keharmonian dan keselamatan dalam kehidupan harian dan bagi pembangunan negara.

"Pemikiran rakyat telah banyak berubah sejak insiden 11 Sept dan sokongan rakyat kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) yang mengamalkan prinsip-prinsip sederhana dan bertolak ansur semakin meningkat," katanya

"Menurut kepercayaan kaum Cina, Tahun Kuda melambangkan kecergasan, kemajuan dan kejayaan. Saya yakin semua ini akan dapat dicapai untuk negara kita dan diri sendiri dengan usaha yang gigih dan semangat perjuangan yang tinggi," katanya.

Kemenangan BN dalam pilihan raya kecil Indera Kayangan bulan lepas membuktikan rakyat menyokong kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengamalkan dasar liberal dan sederhana.

Dr Ling berkata semangat perpaduan di kalangan pemimpin dan anggota MCA semasa pilihan raya kecil itu harus dikekalkan untuk mengatasi segala masalah dalam parti dan untuk membolehkan agenda politik MCA mendatangkan faedah kepada negara dan rakyat.

Sambil mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua rakyat Malaysia, beliau berharap rakyat akan kunjung mengunjungi dan menghadiri majlis rumah terbuka dalam suasana harmoni itu untuk memperkukuhkan lagi perpaduan dan integrasi rakyat.

Sementara itu Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dalam perutusannya pula berkata rakyat Malaysia perlu terus mengutamakan perpaduan, keamanan serta keharmonian dan perlu memastikan unsur-unsur pelampau tidak bertapak di negara ini.

Beliau yakin majoriti rakyat Malaysia akan mempertahankan formula kejayaan Malaysia.

Semasa rakyat Malaysia menyambut satu lagi tahun baru dalam kalendar Cina, beliau berkata mereka juga perlu berusaha mengurangkan perbezaan antara mereka dan menumpukan pada usaha-usaha memperkukuhkan ekonomi.

Lim yang mengucapkan semua warga Malaysia tahun baru yang meriah dan makmur, menyeru warga Malaysia supaya mendedikasi semula diri dalam mempromosi semangat muhibbah dan toleransi dengan saling mengunjungi rumah terbuka pada hari penuh bermakna itu.

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Senator Datuk M. Kayveas berkata, rakyat Malaysia harus bersyukur kerana dapat menyambut perayaan Tahun Baru Cina dalam suasana harmoni.

Rakyat Malaysia juga harus berbangga dengan perpaduan kaum yang menjadi tunggak kejayaan negara selama ini dan rakyat bebas merayakan hari kebesaran masing-masing dengan selamat tanpa rasa bimbang.

"Kita dapat lihat, negara-negara lain sedang menghadapi pelbagai masalah ekonomi, politik dan sosial yang telah mencetuskan keadaan hidup huru hara. Justeru itu, rakyat harus menghargai kemampuan kerajaan yang sedia ada yang dapat mentadbir Malaysia dengan baik," katanya dalam perutusan Tahun Baru Cina.

Sempena Tahun Kuda yang menampilkan simbol kekuatan, kecergasan dan kepantasan, Kayveas berkata rakyat harus mempunyai kekuatan dan keupayaan untuk berusaha gigih bagi mencapai kejayaan dan menyumbang ke arah pembangunan.

"Kita sebagai rakyat Malaysia yang bersemangat patriotik hendaklah

menghargai kebebasan dan kemajuan yang kita nikmati dengan bersedia mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman anasir-anasir anti-nasional, katanya.

-- BERNAMA

HS PR